**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA KUALITI**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)**
**KALI KE - 60**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 19 Julai 2024 (Jumaat) |
| Masa | : | 9.00 pagi – 12.15 tengah hari |
| Tempat | : | Bilik Persidangan Jurutera, Fakulti Kejuruteraan, UPM & Secara dalam talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting* |
| Kehadiran | : | Sepertimana di **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **60.1** | **Kata Aluan Pengerusi** | |
| | Pengerusi: | |
| | (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Ummul Kitab Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-60. | **Makluman** |
| | (b) (i) memaklumkan berkenaan perubahan struktur organisasi Pusat Jaminan Kualiti (CQA) yang berkuat kuasa pada 1 April 2024 bersamaan dengan tarikh pelantikan baharu Pengarah, CQA melalui Minit JPU: Minit 913.06(m)(1). Penstrukturan semula ini melibatkan pelantikan baharu dua (2) Timbalan Pengarah CQA iaitu Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Akademik dan Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Perkhidmatan. | **Makluman** |
| | (ii) memaklumkan penamaan semula nama seksyen di bawah Pejabat Timbalan Pengarah Kualiti Akademik, iaitu:<br>• Seksyen Data Program.<br>• Seksyen Audit Program.<br>• Seksyen Audit Institusi. | **Makluman** |
| | (iii) memaklumkan penambahan seksyen baharu di bawah Pejabat Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Perkhidmatan adalah Seksyen Pembudayaan Kualiti. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu dan ucapan terima kasih kepada ahli yang telah tamat tempoh sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 1.**<br><br>(d) turut mengimbas semula peranan Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses (TWP PP) dan Timbalan Wakil Pengurusan Pusat Tanggungjawab (TWP PTJ) sebagaimana **Lampiran Kertas Agenda 1.**<br><br>(c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen berterusan dalam melaksanakan agenda kualiti di peringkat PTJ dan UPM serta telah menjayakan pelaksanaan Audit Dalaman UPM diperinkat PTJ bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 22 April 2024 hingga 28 Jun 2024. | **Makluman**<br><br>**Makluman**<br><br>**Makluman** |
| **60.2** | **Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-59**<br><br>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-59 yang telah diadakan pada 20 Februari 2024 disahkan tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **60.3** | **Perkara Berbangkit**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-59 seperti mana pada **Lampiran Agenda 3** yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap satu (1) perkara berikut:<br><br>(a) <u>Minit 59.7.1(f) </u>– mesyuarat mencadangkan supaya tindakan penyelarasan terutamanya risiko tinggi yang dilaporkan dilaksanakan di peringkat PTJ, Peneraju Proses, Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko dan Pusat Jaminan Kualiti bagi memastikan keberkesanan tindakan adalah berterusan. | **Makluman**<br><br>**TWP PP dan TWP PTJ** |
| **60.4** | **Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)**<br><br>Mesyuarat:<br>(a) mengambil maklum Laporan Dokumentasi ISO adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4** yang dibentang berkenaan Cadangan Pindaan Dokumen Skop Pengurusan melibatkan dua dokumen iaitu Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO UPM (UPM/PGR/P008) dan Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan, dan Peluang Penambahbaikan (UPM/PGR/P003) yang berkuat kuasa pada 31 Julai 2024. | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(b) mengambil maklum justifikasi perubahan dokumen tersebut adalah berdasarkan pengemaskinian:<br>• Jadual Terminologi;<br>• singkatan Tanggungjawab pada jadual Proses Terperinci;<br>• penambahbaikan penulisan pada kandungan proses terperinci; dan<br>• Jadual Rekod Kualiti.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td>60.5</td><td>Laporan Audit (QMS dan ISMS)<br><br>Mesyuarat:<br>(a) mengambil maklum Laporan Audit ISO yang merangkumi Laporan Status Penutupan Penemuan Audit Dalaman QMS dan ISMS UPM tahun 2023, Laporan Pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS Pusat Tanggungjawab tahun 2024 dan Pelaksanaan Audit SIRIM Tahun 2024 sepertimana Lampiran Agenda 5 yang dibentang.<br><br>(b) status penutupan Audit Dalaman QMS dan ISMS UPM Tahun 2023, sehingga 15 Julai 2024 adalah seperti berikut:<br><br>
<table>
<tr><th colspan="2" rowspan="2"></th><th colspan="3">Bilangan</th></tr>
<tr><th>Tutup</th><th>Belum Tutup (dalam tempoh)</th><th>Belum Tutup (lebih tempoh)</th></tr>
<tr><td rowspan="2">QMS</td><td>NCR</td><td>180</td><td>0</td><td>24</td></tr>
<tr><td>OFI</td><td>252</td><td>4</td><td>51</td></tr>
<tr><td rowspan="2">ISMS</td><td>NCR</td><td>0</td><td>0</td><td>0</td></tr>
<tr><td>OFI</td><td>13</td><td>0</td><td>2</td></tr>
</table>
<br>(c) Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2023 telah berjaya dilaksanakan oleh semua PTJ di UPM bermula pada 22 April sehingga 28 Jun 2024 yang melibatkan sebanyak 50 PTJ/gabungan entiti bagi skop QMS dan 9 PTJ/gabungan skop bagi ISMS.<br><br>(d) bilangan penemuan Audit Dalaman 2024 adalah seperti berikut:<br><br>
<table>
<tr><th></th><th>NCR</th><th>OFI</th></tr>
<tr><td>QMS</td><td>160</td><td>285</td></tr>
<tr><td>ISMS</td><td>3</td><td>32</td></tr>
</table>
<br>(e) aliran proses pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ Tahun 2024 sebagaimana yang diperincikan dalam Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman UPM.<br><br>(f) tarikh Audit Pemantauan Semakan 2 QMS dan ISMS oleh SIRIM yang dirancang untuk diadakan pada 14-18 Oktober 2024.</td><td>Makluman<br><br>TWP BUR, CALC, FPSK,FPV, HSAAS, iPUTRA, IPPH<br><br>Makluman<br><br>Makluman<br><br>Makluman<br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **60.6** | **Laporan Pencapaian Objektif ISO**<br><br>**60.6(a) Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015**<br><br>**i. Laporan Pencapaian Key Performance Indicator (KPI)**<br><br>Tiada laporan yang dibentangkan pada mesyuarat kali ini. | <br><br><br><br><br><br>**Makluman** |
| | **ii. Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras bagi Tempoh Januari hingga Jun 2024**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsia dan Aras Tahun 2024 (Januari – Jun 2024) adalah seperti mana **Lampiran Agenda 6 (a)(ii)** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) Sebanyak 76 petunjuk prestasi daripada 63 objektif fungsian telah diukur dan 13 petunjuk prestasi tidak diukur dengan pecahan pencapaian seperti berikut:<br>• Skop Prauniversiti – dua (2) mencapai sasaran dan satu (1) tidak mencapai sasaran;<br>• Skop Proses Utama – lima (5) mencapai sasaran, satu (1) tidak mencapai sasaran dan lima (5) tidak diukur;<br>• Skop Proses Sokongan – lapan (8) mencapai sasaran dan tiga (3) tidak mencapai sasaran;<br>• Skop Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan – 41 mencapai sasaran, tiga (3) tidak mencapai sasaran dan tujuh (7) tidak diukur. | **Makluman** |
| | (c) petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran perlu diambil tindakan pembetulan secara berterusan oleh peneraju terlibat bagi memastikan sasaran dapat dicapai secara menyeluruh pada akhir tahun 2024. | **Semua Peneraju Proses** |
| | (d) petunjuk prestasi yang tidak diukur kerana tempoh pengukuran adalah pada tempoh selepas Jun-Disember 2024 dan perkara ini perlu dipantau oleh peneraju proses bagi memastikan sasaran dicapai pada akhir tahun 2024. | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>iii. Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan bagi Tempoh Januari hingga Mei 2024<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan bagi bulan Januari hingga Mei 2024 adalah seperti mana Lampiran Agenda 6 (a)(iii) yang dibentang. Laporan ini merangkumi skop Proses Utama dan Proses Operasi dan Sokongan yang masing-masing melibatkan 26 dan 130 piagam pelanggan.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(b) pecahan pencapaian Piagam Pelanggan mengikut skop adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><th>Skop</th><th>Capai</th><th>Tidak Capai</th><th>Belum boleh diukur</th><th>Tiada pelaporan dihantar</th></tr><tr><td>Proses Utama</td><td>22</td><td>3</td><td>1</td><td>0</td></tr><tr><td>Proses Operasi dan Sokongan</td><td>120</td><td>3</td><td>6</td><td>1</td></tr></table></td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(c) perbandingan jumlah dan pencapaian Piagam Pelanggan bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti di Lampiran Agenda 6(a)(iii) yang dibentang.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(d) status penghantaran pencapaian Piagam Pelanggan Januari hingga Mei 2024 dan meminta PTJ yang belum lengkap menghantar Piagam Pelanggan supaya mengambil tindakan segera memandangkan pelaporan bulanan piagam pelanggan ini akan diambil kira untuk pemarkahan Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran bagi Subkomponen Kepuasan Pelanggan.</td><td>TWP CALC, TWP TNCJINM, TWP iDEC dan TWP PPP</td></tr>
<tr><td></td><td>(e) punca dan tindakan pembetulan bagi Piagam Pelanggan yang tidak mencapai sasaran bagi tempoh Januari hingga Mei 2024 adalah seperti pada Lampiran Agenda 6(a)(iii).</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | **60.6(b) Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 bagi Tempoh Januari-Jun 2024** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Jun 2024 adalah seperti pada **Lampiran Agenda 6 (b)** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat mengambil maklum empat (4) Objektif Keselamatan masih belum diukur dan dalam tempoh pengukuran dan dua (2) Objektif Keselamatan telah diukur dan pencapaian serta justifikasi seperti pada **Lampiran Agenda 6 (b).** | **Makluman** |
| **60.7** | **Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO 2024** | |
| | **60.7(a) Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum: | |
| | (a) Laporan Kajian Pihak Berkepentingan UPM untuk tempoh Januari hingga Jun 2024 bagi skop QMS MS 9001:2015 sepertimana pada **Lampiran Agenda 7(a)** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) pihak berkepentingan skop QMS MS 9001:2015 merangkumi pihak berkepentingan berkaitan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, jaringan industri dan masyarakat serta perkhidmatan sokongan. | **Makluman** |
| | (c) Kajian Pihak Berkepentingan bagi skop pengajaran dan pembelajaran, jaringan industri dan masyarakat dan perkhidmatan sokongan adalah masih dalam tempoh kajian. | **Makluman** |
| | (d) tiada perancangan kajian diterima dari peneraju mengenai Kajian Pihak Berkepentingan berkaitan Penyelidikan dan Inovasi. | **TWP TNCPI** |
| | (e) maklum balas pelanggan melalui Sistem U-Respon yang diterima untuk tempoh 1 Januari sehingga 30 Jun 2024 adalah sebanyak 294 dengan 187 telah selesai, 83 dalam proses dan 24 belum di ambil tindakan. Data adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

| KATEGORI | STAF | PELAJAR | ORANG AWAM | PEMB-EKAL | JUMLAH KESELUR-UHAN |
|---|---|---|---|---|---|
| ADUAN | 14 | 27 | 39 | 0 | 80 |
| CADANGAN | 8 | 1 | 4 | 1 | 14 |
| PENGHARGAAN | 0 | 2 | 9 | 0 | 11 |
| PERTANYAAN | 3 | 62 | 122 | 2 | 189 |
| **JUMLAH** | **25** | **92** | **174** | **3** | **294** |

**60.7(b) Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS**

Mesyuarat mengambil maklum:

(a) Laporan Kajian Pihak Berkepentingan UPM untuk tempoh Januari hingga Jun 2024 bagi skop ISMS ISO/IEC 27001:2013 sepertimana pada **Lampiran Agenda 7(b)** yang dibentang.

**Makluman**

(b) Laporan Analisis Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2024 yang merangkumi Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah Sesi Kemasukan 2023/2024 (Semester Kedua 2023/2024, Trimester Ketiga 2023/2024) dan Sesi Kemasukan 2024/2025 (Sesi Pertama 2024/2025); dan sasaran memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran dengan sasaran sebanyak 80% pelajar baharu memberi skor 4.00 ke atas (Skala Likert 5.00).

**Makluman**

(c) rumusan hasil kajian seperti berikut:

1) peratusan pelajar yang menjawab soal selidik adalah sebanyak 84%;

**Makluman**

2) jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat setuju) adalah pada soalan nombor 5 iaitu ‘Saya mendapati bahawa Sistem PutraENROLL boleh diakses sepanjang tempoh pendaftaran.’ (864 responden /81%). Manakala yang terendah yang memberikan skala 5 adalah pada soalan nombor 3 iaitu ‘Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.’ (833 responden/ 78%);

3) jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak setuju) adalah kepada soalan nombor 6 iaitu ‘Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.' (43 responden/4%); dan<br><br>4) analisis skala likert jawapan yang diberikan oleh semua responden adalah mencapai min yang tinggi (4.6) berdasarkan soalan 1 sehingga 6. Dari segi peratusan pula, analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 88% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM pada tiga (3) kemasukan iaitu Semester Kedua 2023/2024, Trimester Ketiga 2023/2024 dan Sesi Pertama 2024/2025 berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia. | **Makluman** |
| **60.8** | **Laporan Penilaian Risiko**<br><br>**60.8(a) Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) sepertimana **Lampiran Agenda 8(a)** yang dibentang dengan keterangan seperti berikut:<br><br>i. jumlah keseluruhan penyataan isu bagi tahun 2024 adalah sebanyak 397 dengan 335 isu dalaman dan 62 isu luaran bagi 71 PTJ.<br><br>ii. peratus tertinggi kategori fungsian/operasi adalah pentadbiran / perkhidmatan sebanyak 24% (96 isu), infrastuktur / persekitaran sebanyak 15% (60 isu) dan kewangan serta pengajaran sebanyak 13% (52 isu).<br><br>iii. peratus tertinggi bagi risiko yang memberi kesan kepada KPI UPM dan pihak berkepentingan adalah Pihak Berkepentingan sebanyak 37% (146 risiko), KPI Akademik dan Antarabangsa sebanyak 13% (53) dan KPI Penyelidikan & Inovasi sebanyak 12% (49 risiko). | **Makluman**<br><br>**Makluman**<br><br>**Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | iv. isu utama bagi setiap kategori fungsian: | **Makluman** |

| **Bil** | **Kategori Fungsian / Operasi** | **Isu Dengan Bilangan Tertinggi** |
|---|---|---|
| 1 | Pentadbiran / perkhidmatan | Staf yang kompeten berkurangan dan lewat penggantian staf yang berpencen |
| 2 | Infrastuktur / persekitaran | Bangunan / infrastruktur yang usang / rosak / berkulat |
| 3 | Kewangan | Sumber kewangan / peruntukan yang terhad |
| 4 | Pengajaran | Enrolmen pelajar siswazah (MSKK) dan antarabangsa berkurangan<br>Semakan kurikulum tidak mengikut tempoh |
| 5 | Penyelidikan | Penawaran geran penyelidikan berkurangan / terhad |
| 6 | Keselamatan / kesihatan | Keadaan bangunan / infrastruktur / peralatan yang tidak selamat kepada staf / pengguna<br>Gangguan binatang liar / berbisa |
| 7 | Teknologi maklumat & komunikasi | Pembangunan sistem aplikasi yang tidak memenuhi keperluan |
| 8 | Peralatan / mesin | Kos penyelenggaraan / baik pulih yang tinggi |
| 9 | Lain-lain | Jaringan industri dan komuniti (Bilangan program dan peruntukan kurang) |
| 10 | Undang-undang | Dokumen dipalsukan<br>Akta tidak dipatuhi |

v. bilangan risiko bagi penilaian awal dan penilaian HY1 2024 adalah seperti berikut: — **Makluman**

| Penilaian | Bilangan Risiko | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Rendah | Sederhana | Tinggi | Belum Nilai |
| Awal | 98 | 243 | 43 | 10 |
| HY1 | 103 | 233 | 38 | 23 |

vi. 38 senarai risiko tinggi HY1 2024 yang telah dikenalpasti oleh PTJ. — **Makluman**

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | vii. tindakan kawalan ke atas risiko HY1 adalah tolak ansur (61), rawat (257), pindah (20), hapus (6) dan belum nilai (53). | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum cadangan penyelarasan risiko operasi dibuat bagi memastikan tindakan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. | **Penyelaras Risiko Operasi** |
| | **60.8(b) Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) sepertimana **Lampiran Agenda 8(b)** yang telah dibentang dengan keterangan seperti berikut: | **Makluman** |
| | (a) Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat terkini (semakan Mac 2024);<br>(i) Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah<br>(ii) Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang<br>(iii) Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah UPMKB<br>(iv) Sistem Sokongan (Pusat Data)<br>(v) Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti | **Makluman** |
| | (b) hasil penilaian ke atas 829 aset mencatatkan 1353 risiko tahap rendah, 47 risiko tahap sederhana dan tiada risiko tahap tinggi. | **Makluman** |
| | (c) perbandingan bilangan aset, bilangan ancaman dan tahap risiko ISMS dari tahun 2019 hingga Mac 2024 bagi setiap pasukan ISMS. | **Makluman** |
| | (d) tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko yang digunakan oleh setiap pasukan ISMS dalam menyediakan perlindungan dan kawalan keberkesanan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM dipantau secara berkala melalui *The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment System* (MyRAM). | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

**60.9** **Laporan Latihan Universiti**

Mesyuarat:

(a) mengambil maklum Laporan Latihan Universiti sepertimana **Lampiran Agenda 9** yang dibentang berkaitan pencapaian 18 mata CPD (3 hari) Latihan staf UPM dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) tahun 2024. — **Makluman**

(b) mengambil maklum status pencapaian 18 jam latihan staf Universiti Putra Malaysia (UPM) sehingga 2 Julai 2024 adalah seperti berikut : — **Makluman**

**Staf Bukan Akademik**

| **Bil** | **Pencapaian Jumlah Jam/ Hari Latihan** | **Peratus (%) & Bilangan Staf** |
|---|---|---|
| 1. | Pencapaian 18 jam latihan (≥ 3 hari) | 74.85% (3,917 orang) |
| 2. | Pencapaian kurang 18 jam latihan (< 3 hari) | 24.36% (1,275 orang) |
| 3. | Tidak Berkursus (0 hari) | 0.78% (41 orang) |

**Staf Akademik**

| **Bil** | **Pencapaian Jumlah Jam/ Hari Latihan** | **Peratus (%) & Bilangan Staf** |
|---|---|---|
| 1. | Pencapaian 18 jam latihan (≥ 3 hari) | 49.45% (715 orang) |
| 2. | Pencapaian kurang 18 jam latihan (< 3 hari) | 46.6% (671 orang) |
| 3. | Tidak Berkursus (0 hari) | 4.15% (60 orang) |

(c) mengambil maklum justifikasi tidak capaian P1 Q2 2024 kerana terdapat maklumat latihan staf yang tidak diserahkan kepada TPLS PTJ. — **Makluman**

**60.10** **Laporan Pengurusan Rekod Universiti**

Mesyuarat:

(a) mengambil maklum Laporan Pengurusan Rekod Universiti sepertimana **Lampiran Agenda 10** yang dibentang, merangkumi status peluasan penggunaan Aplikasi *Digital Document Management System* (DDMS) 2.0 serta penambahbaikan kod klasifikasi fail UPM. — **Makluman**

(b) mengambil maklum hebahan mengenai Dasar Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib telah dilaksanakan pada 28 Jun 2024. — **Makluman**

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) mengambil perhatian Pejabat Pendaftar telah menyelaras dan mengemaskini klasifikasi fail bagi urusan fungsian bersama dengan Arkib Negara Malaysia dan peraju proses mengikut fungsian kod 600, 700 dan 800 pada 19 Januari 2024. | **Makluman** |
| | (d) turut mengambil maklum taklimat mengenai pengenalan *Digital Document Management System* (DDMS) 2.0 Siri 2 kepada Institut dan Pusat telah diadakan pada 6 Mac 2024. Latihan kepada pengguna akan diadakan setelah klasifikasi fail diperaku oleh Arkib Negara Malaysia. | **Makluman** |
| | (e) mengambil maklum status penambahbaikan kod klasifikasi fail UPM bagi tarikh kemaskini sehingga Mei 2024 adalah seperti berikut: | **Makluman** |

<table>
<tr><th>Kod</th><th colspan="2">100-3/1: Pelan Strategik</th></tr>
<tr><td rowspan="3">100: Pentadbiran</td><td>100-3/1/6</td><td>Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 (PPPTM)</td></tr>
<tr><td colspan="2">100-15/2: Sistem Aplikasi</td></tr>
<tr><td>100-15/2/92</td><td>Industry and Community Management System (ICMS)</td></tr>
<tr><th>Kod</th><th colspan="2">500-3/21: Dasar Pemisah (Exit Policy)</th></tr>
<tr><td rowspan="3">500: Sumber Manusia</td><td>500-3/21/2</td><td>Intervensi Bersepadu</td></tr>
<tr><td colspan="2">500-7/2: Kebajikan/Sukan</td></tr>
<tr><td>500-7/3/10</td><td>Kes Kesihatan Mental</td></tr>
<tr><th>Kod</th><th colspan="2">600-4/10: Pengajaran dan Pembelajaran</th></tr>
<tr><td>600: Pengurusan Akademik</td><td>600-4/10/11</td><td>Task Force Education for Sustainable Development (ESD) UPM</td></tr>
<tr><th>Kod</th><th colspan="2">700-3/3: Kelab Sukan dan Rekreasi</th></tr>
<tr><td rowspan="6">700: Hal Ehwal Pelajar</td><td>700-3/3/22</td><td>Kelab Putra Paintball Bintulu (Putra Legion)</td></tr>
<tr><td colspan="2">700-3/4: Kelab Kepimpinan</td></tr>
<tr><td>700-3/4/21</td><td>Persatuan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)</td></tr>
<tr><td>700-3/4/22</td><td>Majlis Perwakilan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan Dan Sains (FOHUMASC)</td></tr>
<tr><td colspan="2">700-3/10 Persatuan Peringkat Fakulti</td></tr>
<tr><td>700-3/10/17</td><td>Majlis Perwakilan Fakulti Sains Pertanian Dan Perhutanan (Agri-Fore)</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **60.11** | **Hal-hal Lain**<br><br>**60.11.1 Pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2023/2024**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Laporan Pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2023/2024 seperti mana pada **Lampiran Agenda 11.1** yang telah dibentangkan. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum pelaksanaan program tersebut akan diadakan pada 13 November 2024 bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Abdul Aziz Shah, UPM seperti mana yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti pada Minit 924.06(m)(4) bertarikh 15 Mei 2024. Sambutan ini akan dianjurkan dengan kerjasama Pusat Jaminan Kualiti dan Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan Abdul Aziz Shah. | **Makluman** |
| | (c) mengambil maklum bahawa pelaksanaan sambutan HKIP UPM akan diadakan dua (2) tahun sekali iaitu dwitahunan mulai 2023/2024, penganjuran kali kesembilan. | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum pengisian program sambutan HKIP adalah melibatkan:<br>• penyampaian 12 Anugerah/Hadiah;<br>• penghargaan Khas (Kriteria: Pegawai yang menyumbang khidmat terhadap peningkatan kualiti dan inovasi di UPM);<br>• pertandingan Koir Inovasi Antara PTJ;<br>• pelancaran Buku Inovasi Perkhidmatan UPM; dan<br>• pameran Inovasi dan Kreativiti Perkhidmatan. | **Makluman** |
| | (e) mengambil maklum peruntukan perbelanjaan bagi sambutan HKIP adalah sebanyak RM70,000.00 yang merangkumi peruntukan nilai hadiah sebanyak RM39,200.00. | **Makluman** |
| | (f) mengambil maklum pecahan anugerah/hadiah adalah seperti berikut dan perincian anugerah pada **Lampiran Agenda 11.1** | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (g) mengambil maklum pecahan anugerah/hadiah adalah seperti berikut dan perincian anugerah pada **Lampiran Agenda 11.1**:<br>• Anugerah Keseluruhan HKIP;<br>• Anugerah Utama HKIP;<br>• Anugerah Lain HKIP; dan<br>• Hadiah HKIP. | **Makluman** |
| | (h) Mengambil maklum Taklimat Pelaksanaan Anugerah Kualiti dan Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran sempena Hari Kualiti dan Inovasi (HKIP) UPM Tahun 2023/2024 telah diadakan pada 26 Julai 2023. | **Makluman** |
| | (i) mengambil maklum hebahan aktiviti di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi pertandingan/penilaian anguerah/hadiah yang dijalankan bersempena dengan Sambutan HKIP UPM Tahun 2023/2024 telah dibuat pada 11 Jun 2024. | **Makluman** |
| | (j) meminta semua TWP PP/PTJ untuk membuat hebahan dan menggalakkan kehadiran peserta dan warga PTJ meliputi pelbagai kategori staf untuk menyertai dan hadir ke program yang dijalankan. | **TWP PP dan TWP PTJ** |
| | (k) memohon agar Sekretariat Pelaksana Sambutan HKIP UPM 2023/2024 dapat membuat penambahbaikan pemakluman pemenang anugerah/hadiah dalam bentuk poster dan dihebahkan dalam laman sesawang UPM. | **JK Sambutan HKIP UPM 2023/2024** |
| **60.12** | **Penangguhan Mesyuarat**<br><br>Pengerusi merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang hadir ke mesyuarat ini.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengahari dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr. | **Makluman** |

**Lampiran A**

**SENARAI KEHADIRAN**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 19 Julai 2024 (Jumaat) |
| Masa | : | 9.00 Pagi – 12.15 Tengahari |
| Tempat | : | Bilik Persidangan Jurutera, Fakulti Kejuruteraan, UPM & Secara dalam talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting* |

**HADIR :**

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Profesor Ir. Ts. Dr. Abd. Rahim Abu Talib | Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti / Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Puan Noorizai binti Mohamad Noor | TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 3. | Cik Nor Azizah binti Tamsi | TWP (PP) Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 4. | Encik Yusri bin Hashim | (TWP PP) Pejabat Bursar |
| 5. | Puan Norhasliza binti Hassan | (TWP PP) Sekolah Pengajian Siswazah |
| 6. | Tuan Haji Mat Razi bin Abdullah | (TWP PP) Pusat Asasi Sains Pertanian |
| 7. | Puan Yasminani binti Mohamad | (TWP PP) Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik |
| 8. | Ts. Norazlin binti Yusof | (TWP PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 9. | Dr. Suhyna binti Mohamad Sulaiman | (TWP PP) Pusat Kesihatan Universiti |
| 10. | Encik Mohd Tarmizi bin Ishak | (TWP PP) Pusat Pertanian Putra |
| 11. | Puan Salinah @lina binti Junid | (TWP PP) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 12. | Puan Shahriah binti Membar | (TWP PP) Pusat Antarabangsa Putra |
| 13. | Encik Amiruddin bin Abd Aziz | (TWP PTJ) Fakulti Pertanian |
| 14. | Puan Lailawati binti Bakar | (TWP PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 15. | Puan Noorizajune binti Abu Bakar | (TWP PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 16. | Puan Juita binti Md. Tahir | (TWP PTJ) Fakulti Sains |
| 17. | Puan Rozi binti Tamin | (TWP PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 18. | Puan Nurhanisah binti Sadun | (TWP PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 19. | Puan Saliza binti Mustafa | (TWP PTJ) Fakulti Bahasa Maden dan Komunikasi |

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 20. | Puan Hajjah Sarah Salwah binti Adnan | (TWP PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 21. | Encik Wan Zaharuddin bin Wan Abdullah | (TWP PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 22. | Encik Noor Mohamad Bin Shakil Hameed | (TWP PTJ) Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar |
| 23. | Puan Shamilah binti Samian | (TWP PTJ) Institut Biosains |
| 24. | Puan Dalina binti Kamarudin | (TWP PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia |
| 25. | Encik Muhamad Asyraf bin Arshad | (TWP PTJ) Institut Penyelidikan Matematik |
| 26. | Puan Norazlindawati binti Hashim | (TWP PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 27. | Puan Rina Mazni binti Musa | (TWP PTJ) Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan |
| 28. | Puan Haliena binti Azhar | (TWP PTJ) Institut Kajian Perladangan |
| 29. | Puan Nurainakmal binti Kamal Bahrin | Pegawai Kawalan Dokumen (PKD), Pusat Jaminan Kualiti/Setiausaha Mesyuarat |
| 30. | Puan Zenaida binti Md Zenon | Penyelaras Audit Dalam (PAD), Pusat Jaminan Kualiti |
| 31. | Puan Rita Anak Bajat | Penyelaras Kepuasan Pelanggan (PKP), Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat |

**<u>TURUT HADIR :</u>**

| Bil. | Nama | PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Encik Ahmad Afeeq bin Roslan | Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 2. | Puan Nor Hayati binti Mohd Darus | Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 3. | Encik Faizol Ikmal bin Shariff | Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 4. | Encik Nasrul Amri Selamat | Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 5. | Puan Nor Azila binti Azmi | Pejabat Pendaftar |
| 6. | Puan Hazlindah binti Basiron | Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 7. | Puan Nor Muliana binti Abdul Samad | Pusat Penerbitan UPM |
| 8. | Puan Fadzlina binti Amin Shapuddin | Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 9. | Encik Mohd Komarul Arifin bin Mohd Ali | Hospital Sultan Abdul Aziz Shah |
| 10. | Encik Mohd Shazwan bin Jamhari | Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik |
| 11. | Puan Siti Munira binti Abd. Razak | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 12. | Puan Siti Nadirah binti Mat Na'ain | Pejabat Pendaftar |
| 13. | Puan Siti Khadijah binti Ahmad | Pejabat Pendaftar |

| | | |
|---|---|---|
| 14. | Encik Wan Hafizi bin Wan Umar | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 15. | Puan Siti Fatimah binti Hasim | Pusat Jaminan Kualiti |
| 16. | Pn. Noor Idmawatie Mohd Idris | Pusat Jaminan Kualiti |
| 17. | Puan Norliyani binti Anor | Pusat Jaminan Kualiti |
| 18. | Cik Nor Syazila Abdul Rahim | Pusat Jaminan Kualiti |
| 19. | Encik Izzul Muzakkir Aris | Pusat Jaminan Kualiti |
| 20. | Puan Rosyati Zainuddin | Pusat Jaminan Kualiti |

**TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN) :**

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Ts. Shahril Iskandar bin Amir | TWP ISMS, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 2. | Prof. Madya Dr. Noor Syamilah binti Zakaria | Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Akademik, Pusat Jaminan Kualiti |
| 3. | Puan Haslida binti Hassan | Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Perkhidmatan,<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 4. | Encik Shahriman bin Hashim | (TWP PP) Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 5. | Encik Mohd Nazri bin Md Yasin | (TWP PP) Pejabat TNC (Akademik dan Antarabangsa) |
| 6. | Encik Abdullah bin Arshad | Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 7. | Puan Suhana binti Md Chairi | TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 8. | Cik Haslina binti Abu Seman@ Talib | (TWP PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 9. | Encik Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam | (TWP PP) Pusat Islam Universiti |
| 10. | Tuan Haji Mohd Aris Fadzilah bin Abdullah | (TWP PP) Hospital Sultan Abdul Aziz Shah |
| 11. | Puan Yatimulea binti Ramli | (TWP PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 12. | Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin | (TWP PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 13. | ASP/PB Ibrahim bin Hassan | (TWP PP) Bahagian Keselamatan Universiti |
| 14. | Puan Natassah binti Othman | (TWP PP) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 15. | Encik Arafat Mashhuri bin Awang | (TWP PP) Pusat Penerbit UPM |
| 16. | Puan Nariza binti Mohd Elias | (TWP PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang |
| 17. | Puan Fairuz binti Muchtar | (TWP PTJ) Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 18. | Puan Hasliza binit Zakaria | (TWP PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 19. | Encik Saiful Azlin bin Maskan | (TWP PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 20. | Encik Noor Hakim bin Ahmad | (TWP PTJ) Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu |
| 21. | Puan Rosiha binti Abdul Razak | (TWP PTJ) Institut Nanosains dan Nanoteknologi |
| 22. | Puan Suryani binti Ahmad | (TWP PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 23. | Encik Din Ayub | (TWP PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial |
| 24. | Puan Nur Syahirah binti Ibrahim | (TWP PTJ) Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik |
| 25. | Encik Hisyamuddin bin Hashim | Penyelaras Latihan Staf (PLS), Pejabat Pendaftar |
| 26. | Cik Siti Ima Munirah binti Ahmad | Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pejabat Pendaftar |
| 27. | Puan Nor Hazlina binti Zamaruddin | Sekretariat Pengurusan Risiko Universiti, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat |